

21/06/1998

Elak tuduhan kronisme (HL)

tafa; Wan Hazmir Bakar; Johnny Giles Senin.

KUALA LUMPUR: Umno semalam mengeluarkan senarai penerima 171 projek penswastaan, nama syarikat pengambilalih atau konsortium terbabit dan pemegang saham utamanya bagi mengelakkan kerajaan dituduh mengamalkan nepotisme dan kronisme.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata senarai projek itu dikategorikan dalam dua bahagian mengandungi maklumat asas dan kelulusan prinsip projek penswastaan, diperolehi daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.

"Umno dituduh terbabit dengan kronisme dan nepotisme. Jadi dengan senarai itu, kita dapat lihat sama ada mereka adalah kroni, anak lelaki atau perempuan kepada pemimpin dalam parti.

"Boleh dikatakan bilangan mereka beratus-ratus dan agak jelas bahawa mereka bukanlah kroni-kroni kami (beliau dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim).

"Mungkin kami kenal di antara mereka tetapi tidak mungkin kami mempunyai hubungan rapat dengan mereka kecuali anda mentafsirkan kroni-kroni sebagai sesiapa pun yang mendapat apa-apa daripada kerajaan," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar pada akhir hari kedua Perhimpunan Agung Umno di sini.

Diminta mengulas mengenai senarai itu yang diedarkan menerusi Sekretariat Ibu Pejabat Umno kepada ketua bahagian pada perhimpunan itu, Dr Mahathir berkata: "Itu satu permulaan."

Menurut Perdana Menteri, Umno akan mengeluarkan senarai kedua mengandungi nama mereka yang menerima peruntukan saham, permit kelulusan mengimport kenderaan (AP) dan lesen yang dikeluarkan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan, dari semasa ke semasa.

Menurutnya, senarai itu juga akan diedarkan kepada orang ramai untuk pengetahuan mereka.

"Semuanya akan didedah supaya kita tahu siapa sebenarnya yang mendapat manfaat daripada dasar-dasar yang dibentuk oleh kerajaan," katanya.

Ditanya mengapa senarai itu diedarkan sekarang, Dr Mahathir berkata, tindakan itu diambil kerana Umno telah dituduh mengamalkan nepotisme dan kronisme.

Sebelum ini, Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi mendakwa nepotisme dan kronisme diamalkan dalam pemberian sesetengah projek penswastaan. Media asing dan pihak pembangkang juga menuduh kerajaan melakukan amalan itu.

Sama ada senarai itu mengandungi nama mereka yang mempunyai hubungan persaudaraan atau kaitan dengan pemimpin kanan Umno, Dr Mahathir berkata: "Ya, ada. Tetapi mereka bukan istimewa, mereka sama seperti orang lain yang berniaga, mereka juga layak tetapi bukan diberikan oleh pemimpin Umno."

Dr Mahathir berkata, amalan parti ialah sekiranya mana-mana saudara kepada pemimpin yang terbabit, pemimpin berkenaan tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam membuat keputusan siapa yang mendapat projek penswastaan.

"Ia bukanlah bermakna orang tertentu diberi kesemuanya. Semua orang sama-sama mendapat bahagian," kata Perdana Menteri.

Beliau yang sendiri meminta semua maklumat itu daripada EPU, menjelaskan senarai projek berkenaan diedarkan bagi membuktikan ketelusan kerajaan dalam pemberian projek penswastaan.

Senarai 171 projek penswastaan itu termasuk 21 membabitkan pembinaan

lebuh raya dan laluan utama di seluruh negara, selain infrastruktur seperti jambatan serta pembinaan laluan pengangkutan rel.

Projek utama lain sistem pembedungan, pelupusan sisa, perumahan, bangunan kerajaan, kompleks komersil, penjanaan tenaga, penyediaan bekalan asas, media, telekomunikasi, pelabuhan, perkapalan, penerbangan, perubatan serta pertahanan.

Maklumat Asas Projek Penswastaan berhubung kelulusan prinsip pula mengandungi 114 projek yang sebahagian besar membabitkan pembinaan lebuh raya di Lembah Klang dan Johor serta pembinaan laluan pengangkutan rel.

Ia juga mengandungi nama projek membabitkan pembangunan tanah Mara dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pejabat kerajaan, pusat pertumbuhan baru Perda di Pulau Pinang serta perumahan dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah di beberapa negeri. Projek penswastaan pengurusan sisa pepejal di seluruh negara pula membabitkan beberapa syarikat.

Menurutnya, senarai penerima projek itu memang ada tetapi ramai orang tidak mengambil berat mengenainya, sebaliknya lebih berminat membuat sangkaan daripada menyemaknya dengan Pendaftar Syarikat.

(END)